

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL 2/2017
JABATAN TENAGA MANUSIA

Tarikh : 05 – 06 September 2017
Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat, ILP Kuala Lumpur
Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1** Pengerusi memulakan salam dan bacaan Al-Fatihah serta mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat ini. Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan (MJPP) Bil 2/2017 ini bertujuan untuk mengesahkan keputusan akhir pelajar sesi keluaran 1/2017.

Makluman

- 1.2** Pengerusi memaklumkan Pelancaran TVET akan diadakan pada 27 September 2017 dan pada bulan September juga Jawatankuasa Sebut Harga akan bersidang.

Makluman

- 1.3** Mesyuarat ambil maklum mengenai status proses sebutharga jabatan seperti berikut:

- a)** 25 sebutharga telah dinilai pada mesyuarat sebutharga bertarikh 30 Ogos 2017.
- b)** Jabatan akan mengadakan mesyuarat sebutharga A pada bulan September.
- c)** JK Sebutharga akan mengadakan mesyuarat secara berturut-turut. Sehubungan dengan itu, pihak institut diminta mengeluarkan SST kepada pembekal dan memastikan semua bayaran selesai sebelum bulan November 2017.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

- 1.4** Mesyuarat ambil maklum JPK telah meluluskan permohonan JTM untuk menangguhkan tarikh pendaftaran sehingga 15 September 2017.

Makluman

- 1.5** Setiap institut yang menawarkan kursus B01 – Teknologi Elektrik perlu dinaiktaraf kepada kursus B19 bermula sesi 1/2018. Mana-mana institut yang bermasalah untuk menawarkan program ini kerana kekangan pengajar kompeten, diminta menghantar permohonan pengecualian kepada jabatan selewat-lewatnya pada 15 September 2017.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

- 1.6** P (ILP Mersing) diminta untuk selesaikan isu pengajar yang menggantung sijil di syarikat lain sebelum pihak ST menarik balik sijil kompetensi pengajar tersebut.

Tindakan: P(ILP Mersing)

- 1.7** P (ILP Miri) memohon pengecualian bagi perkara 1.5 memandangkan persijilan PW2 merupakan persijilan alternatif kepada pelajar kursus B01 di ILP Miri. Pelajar sepenuh masa di ILP Miri akan mengambil persijilan EIU yang setara dengan PW4.

Makluman

- 1.8** Pengerusi meminta semua institut yang menawarkan kursus Teknologi Elektrik mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang pengajar kompeten bagi setiap kompetensi.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

- 1.9** BKT diminta membuat semakan dengan pihak ST berkenaan status permohonan pentauliah PW4 di ILP Labuan.

Tindakan : Urusetia ST JTM

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 2/2017

- 2.1** Minit Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 1/2017 disahkan tanpa pindaan oleh Tuan Syed Johan Bin Syed Ali tanpa sebarang pindaan.

Makluman

3.0 MAKLUMBALAS CATATAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 2/2017

- 3.1** PP (KT) membentangkan catatan minit mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 2/2017 seperti di **Lampiran 1**.

Makluman

- 3.2** Mesyuarat bersetuju kumpulan pelajar bagi pengambilan tambahan (DC) akan didaftarkan di bawah kursus yang bermula dengan kod 'Z' dalam TMS. Semua kod kursus yang bermula dengan huruf Z telah dimasukkan ke dalam sistem oleh Pusat Data JTM.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

- 3.3** Mesyuarat turut bersetuju pelajar ini layak diberi slip keputusan dan transkrip selepas menamatkan latihan. Sehubungan itu, pihak institut perlu memastikan pelajar pengambilan tambahan ini mendaftar modul JTM yang mempunyai kaitan dengan kandungan NOSS.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

- 3.4** Pengajar perlu memasukkan markah penilaian Kerja Kursus dan Peperiksaan Akhir ke dalam sistem bagi menjana SPC.02, SPC.03 dan SPC.04 bagi setiap semester.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

- 3.5** Mesyuarat ambil maklum keputusan pelajar ini tidak akan disahkan dalam Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan JTM. Keputusan keseluruhan akan disahkan dalam mesyuarat senat peringkat wilayah atau jabatan. Kumpulan pelajar ini juga dikecualikan dari skop Sistem Pengurusan Kualiti JTM.

Makluman

- 3.6** Mesyuarat ambil maklum pelajar ini tidak diwajibkan mengambil modul tambahan yang tidak mempunyai kaitan dengan NOSS. Sekiranya pihak institut ingin menawarkan modul tambahan kepada kumpulan pelajar ini, tempoh masa latihan hendaklah dijalankan mengikut kesesuaian pengurusan di institut. Walau bagaimanapun, pihak institut perlu mematuhi jumlah jam bagi modul yang berkaitan dengan NOSS.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

- 3.7** KPP (KT)1 memaklumkan bahawa terdapat perubahan format bagi pelaksanaan peperiksaan akhir bermula sesi 2/2017. Perubahan format ini bagi memenuhi keperluan penilaian Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia di mana pelajar perlu menduduki Kertas Teori 1 (Objektif) selain dari Kertas Teori 2 (Subjektif). Markah bagi kertas teori 1 ini akan dijadikan sebagai markah peperiksaan akhir mengikut tahap di dalam borang T1003.

Tindakan: P(KT) & Semua P(ILJTM) berkenaan

- 3.8** Mesyuarat ambil maklum BKT akan mengadakan perbincangan dengan pusat data mengenai tempoh yang sesuai untuk membuka akses TMS bagi memastikan pengisian markah dapat dilaksanakan di luar waktu kerja.

Tindakan : P(KT) & Pusat Data JTM

- 3.9** Mesyuarat ambil maklum peranan CoSE untuk menyelaraskan spesifikasi peralatan/mesin baru. Institut yang tidak mempunyai peralatan baru dicadangkan agar mengambil pendekatan *mobilize* pelajar ke institut yang mempunyai peralatan baru tersebut.

Tindakan: Pengarah CoSE ILJTM & Semua P(ILJTM)

4.0 PEMBENTANGAN STATISTIK PELAJAR BERHENTI, TANGGUH DAN GAGAL BAGI KELUARAN SESI 1/2017

- 4.1** PP(KT) membentangkan Statistik Pelajar Berhenti, Tangguh dan Gagal bagi sesi keluaran 1/2017 seperti di **Lampiran 2**.

Makluman

5.0 LAPORAN VERIFIKASI PEGAWAI NAZIRAN SESI 2/2017

- 5.1** PP(KT) membentangkan Laporan Verifikasi Pegawai Naziran sesi 2/2017 seperti di **Lampiran 3**.

Makluman

- 5.2** Pengerusi meminta pihak institut agar mengambil tindakan penambahbaikan bagi isu-isu yang kerap dibangkitkan oleh naziran.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

6.0 PEMBENTANGAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR SESI 1/2017 OLEH JAWATANKUASA KEPAKARAN

Jawatankuasa Kepakaran Tek. Kimpalan:

- 6.1** Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi Kimpalan sesi 1/2017 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Kimpalan seperti di **Lampiran 4**.

Makluman

- 6.2** Mesyuarat putuskan semua pelajar semester akhir kursus kimpalan perlu menduduki WQT.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

- 6.3** CoSE bagi kursus Teknologi Kimpalan diminta membuat cadangan penambahbaikan bagi pelaksanaan WQT di ILJTM.

Tindakan: Pengarah CoSE bagi kursus Kluster Kimpalan.

Jawatankuasa Kepakaran Automotif:

- 6.4** Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi Automotif sesi 1/2017 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Automotif seperti di **Lampiran 5**.

Makluman

Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara:

- 6.5** Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara sesi 1/2017 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Teknologi PPU seperti di **Lampiran 6**.

Makluman

Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Elektrik (ST dan EIU):

- 6.6** Laporan Keputusan Peperiksaan Kekompetenan Suruhanjaya Teknologi (ST) dan EIU sesi 1/2017 dibentangkan oleh urusetia seperti di **Lampiran 7**.

Makluman

- 6.7** Mesyuarat ambil maklum peratusan gagal yang tinggi bagi persijilan kompetensi di bawah EIU adalah berpunca daripada pelajar separuh masa. Pelajar ini didapati gagal menghantar dokumen kepada EIU mengikut tarikh yang ditetapkan.

Makluman

- 6.8** P (ADTEC Bintulu) akan mengadakan mesyuarat penyelarasan bagi persijilan kompetensi EIU bagi menyelesaikan isu yang berbangkit pada bulan September.

Tindakan : P(ADTEC Bintulu)

7.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN KEPUTUSAN AKHIR PELAJAR DARIPADA PENGARAH-PENGARAH ILJTM

- 7.1** Pengarah membentangkan keputusan akhir pelajar keluaran Sesi 1/2017 kepada ahli mesyuarat untuk disahkan seperti di **Lampiran 8**.

Makluman

8.0 HAL-HAL LAIN

- 8.1** P (ILP Miri) memaklumkan terdapat masalah semasa pendaftaran dalam Sistem eSKM untuk kumpulan tambahan. BKT akan membuat susulan dengan pihak JPK mengenai perkara ini.

Tindakan : P(KT) & P(ILP Miri)

- 8.2** Mesyuarat ambil maklum cetakan soalan peperiksaan akhir akan diuruskan oleh pihak institut. Sehubungan dengan itu, pihak institut dikehendaki membuat kutipan sebanyak RM20 dari setiap pelajar kecuali bagi pelajar program Diploma.

Tindakan : Semua P(ILJTM) yang berkenaan

- 8.3** KPP(KT)1 memaklumkan pengajar yang menghadiri kursus eKeusahawanan yang dikendalikan oleh MDEC perlu mengajar modul eKeusahawanan pada sesi 2/2017 sekurang-kurangnya kepada 30 orang pelajar. Selain itu, bagi memenuhi keperluan SPK, setiap pengajar perlu melaksanakan program TOT kepada lima orang pengajar di institut masing-masing.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

- 8.4** Mesyuarat ambil maklum institut boleh memilih kursus yang akan ditawarkan modul eKeusahawanan bagi sesi 2/2017 kerana pelaksanaan bagi sesi ini adalah merupakan projek rintis. Unit Kurikulum akan menyelaraskan pelaksanaan modul eKeusahawanan bagi semua kursus bermula sesi 1/2018.

Tindakan: P (KT) dan semua P(ILJTM) berkenaan

- 8.5** Mesyuarat ambil maklum, modul eKesusahawanan perlu didaftarkan dalam TMS kerana kredit akan dikira dalam kredit graduasi.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

- 8.6** Mesyuarat bersetuju dengan cadangan P(ILP AP Nibong Tebal) untuk memberi anugerah kepada mana-mana institut yang berjaya mencapai jualan tertinggi, pengajar dengan jualan terkumpul pelajar yang tertinggi dan juga pelajar yang mencapai jualan tertinggi bagi setiap semester.

Tindakan: P(KT) & Semua P(ILJTM)

- 8.7** Mesyuarat ambil maklum, BKT akan mengedarkan pencapaian jualan untuk makluman pengarah institut masing-masing.

Makluman

- 8.8** KPP(KT)1 memaklumkan juga berkenaan kursus Usahawan Mikro yang boleh ditawarkan kepada orang awam. Walau bagaimanapun 10 orang pengajar yang mengikuti kursus eKeusahawanan di Cyberjaya tidak layak untuk mengajar kerana gagal dalam peperiksaan penilaian yang dijalankan semasa kursus tersebut. Prestasi pengajar berkenaan dalam melaksanakan kursus eKeusahawanan untuk pelajar sepenuh masa akan dipantau dan sekiranya pihak MDEC berpuas hati, pengajar ini akan diberi kelulusan untuk mengajar kursus Usahawan Mikro pada tahun 2018.

Makluman

- 8.9** Mesyuarat dimaklumkan pihak institut dikehendaki membuat permohonan penambahan kapasiti latihan bagi setiap program yang ditauliahkan berdasarkan bilangan Pegawai Penilai yang ada di setiap kursus. Bilangan kapasiti hendaklah mematuhi ketetapan nisbah PP kepada pelajar iaitu 1 PP: 25 pelajar.

Tindakan: Semua P(ILJTM)

- 8.10** Mesyuarat bersetuju semua institut perlu menyemak semula kapasiti latihan bagi setiap kursus yang diputuskan dalam program Transformasi JTM supaya

selari dengan polisi yang ditetapkan oleh JPK. Pihak institut dikehendaki menyediakan maklumat kapasiti berdasarkan personel yang ada dan juga kapasiti berdasarkan Pegawai Penilai yang layak bagi setiap kursus.

Tindakan: Semua P(ILTM)

- 8.11** Mesyuarat ambil maklum pihak institut dan juga jabatan perlu mempergiatkan program peningkatan latihan pegawai secara dalaman dan juga di peringkat jabatan bagi memastikan semua pegawai dapat dipersijilkan sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran Tahap 3. Perkara ini perlu dilaksanakan segera supaya pihak institut dapat menawarkan kapasiti latihan berdasarkan bilangan pengajar dan peralatan yang ada.

Tindakan: Semua P(ILTM)

- 8.12** P(PK) meminta pihak institut untuk menghantar permohonan kursus UpSkilling bagi tahun 2018 selewat-lewatnya pada bulan November 2017. Permohonan program Upskilling pengajar melalui persijilan professional juga adalah digalakkan. Permohonan hendaklah lengkap dengan kiraan kos kursus beserta kos TNT bagi setiap peserta.

Tindakan: Semua P(ILTM)

- 8.13** P(PK) turut memaklumkan pengecualian bayaran PPT untuk pengajar JTM akan berakhir pada tahun 2019. Sehubungan dengan itu, semua pengarah diminta menggalakkan pengajar supaya memohon persijilan kemahiran melalui kaedah ini secepat mungkin.

Tindakan: Semua P(ILTM)

- 8.14** P(ILP Miri) minta bantuan BPK agar menyokong permohonan ILP Miri untuk mengadakan kursus dengan menggunakan peruntukan akaun amanah institut.

Tindakan: P(PK)

- 8.15** Pengarah ambil maklum pelaksanaan program transformasi JTM akan diteruskan walaupun jabatan mempunyai kekangan dari isu logistic untuk menggerakkan peralatan/mesin dan juga pengajar di institut. Pengerusi meminta pengarah mengadakan program UpSkilling dan Reskilling diperingkat dalam terlebih dahulu.

Tindakan: Semua P(ILTM) berkenaan

- 8.16** Mana-mana kursus yang dijumudkan dalam program transformasi tidak akan ditawarkan lagi. Sekiranya pihak institut ingin menawarkan program latihan sepenuh masa bagi kursus yang telah ditutup, perlu mendapat kelulusan dari pihak ibu pejabat terlebih dahulu.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

- 8.17** Mesyuarat ambil maklum waran penjawatan baru yang mengambilkira pembahagian kluster mengikut kriteria KC masih belum dimuktamadkan.

Makluman

- 8.18** Mesyuarat ambil maklum Kriteria Kecemerlangan akan dimulakan pada Januari 2018. Bukti bagi setiap kriteria penilaian dikira untuk tempoh tiga tahun ke belakang. Mesyuarat bersetuju pengarah perlu menggalakkan pengajar untuk menyediakan portfolio bagi melengkapkan bukti kriteria kecemerlangan masing-masing.

Makluman

- 8.19** Mesyuarat turut dimaklumkan kenaikan pangkat bagi Gred DV29 hingga DV42 akan dinilai berdasarkan portfolio yang dibangunkan oleh pengajar. Kenaikan pangkat bagi gred DV44 sehingga DV54 adalah secara proses temuduga.

Makluman

- 8.20** Mana-mana ILJTM yang memerlukan sesi penerangan berkenaan Kriteria Kecemerlangan bagi skim PLV boleh menjemput Pengarah ILP Kuala Lumpur untuk sesi taklimat.

Makluman

9.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan dan pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat.